



Peserta khusyuk mendengar forum yang disampaikan



Dari kiri: Dr. Mohd Farid Alias, Meriam Bidin & moderator

"FORUM KEMANISAN SEBENAR DALAM KESIHATAN"

Pada 24 Mac 2016 yang lalu, satu forum perkongsian ilmu bertajuk "Kemanisan Sebenar Dalam Kesihatan" telah dianjurkan oleh Unit Pengurusan Ilmu (KM) Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Seramai 100 orang peserta terdiri dari organisasi luar dan pelajar sekolah telah menyertai forum ini.

Dua orang panel jemputan iaitu Dr. Mohd Farid Alias dari Public Health Practitioner & Occupational Health Doctor dan Puan Meriam Bidin dari Jabatan Dietetik & Sajian, HTAA, Kuantan. Forum tersebut bertujuan menyokong Kempen Gaya Hidup Sihat yang dianjurkan oleh UMP.

Melalui forum tersebut, panel telah menerangkan dengan lebih terperinci tentang kepentingan amalan gaya hidup sihat dan bagaimana mendapatkan kemanisan sebenar dalam kesihatan. Banyak maklumat yang telah diperoleh oleh peserta di mana amat penting untuk merancang pemakanan yang seimbang supaya dapat menikmati kesihatan yang sempurna.

Selain forum, sebanyak sepuluh buah gerai telah dibuka melibatkan jualan tudung, pakaian, makanan, barang elektronik dan sebagainya. Peserta juga boleh mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma dari Darul Makmur Medical Center (DMMC) dan IIUM Breast Cancer.



Gerai jualan di lobi perpustakaan



Peserta mendapatkan pemeriksaan kesihatan